

SISTEM PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH AGAMA (MADRASAH) DI SINGAPURA (Islamic Education System at Religious School (Madrasah) in Singapore)

Oleh:

Nor Raudah Hj Siren*

Azrin Ab Majid**

Syed Muhd Khairuddin Aljunied***

Abstrak

Sekolah Agama di Singapura disebut madrasah. Ia ditubuhkan oleh ulama yang bermurah hati untuk mewakafkan tanah dan bangunan untuk tujuan pendidikan Islam kepada masyarakat Islam yang merupakan golongan minoriti di Singapura. Artikel ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana pengurusan sekolah agama rakyat atau disebut madrasah dilaksanakan di Singapura bagi memastikan kelangsungan pendidikan Islam kepada masyarakat Islam. Pengumpulan data menggunakan temubual terbuka kepada pentadbiran bahagian Madrasah dan bahagian masjid di Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan madrasah di samping memperolehi maklumat dari pelbagai sumber yang lain. Di Singapura, semua madrasah yang ditubuhkan perlu di bawah pengawasan dan kawalan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Terdapat tiga jenis sekolah agama di Singapura iaitu madrasah sepenuh masa, madrasah separuh masa dan pengajian umum. Kurikulum yang digunakan oleh madrasah sepenuh masa ialah kurikulum azhari dan kurikulum kebangsaan. Madrasah separuh masa yang dijalankan di masjid menggunakan kurikulum aLIVE iaitu sebahagian dari pelaksanaan program Singapore Islamic Education of Singapore (SIES). Madrasah swasta pula menjalankan aktiviti pendidikan Islam secara tuisyen dan separuh masa dengan membina kurikulum sendiri terutama untuk pengajian al-Quran dan Fardhu Ain. Manakala NGO hanya berfungsi sebagai pendokong kepada pelaksanaan pendidikan Islam kepada masyarakat melalui aktiviti dakwah dan kelas-kelas pengajian agama.

Kata Kunci: Madrasah, Sekolah Agama, Pengurusan Pendidikan, Sistem Pendidikan Islam

Abstract

Religion schools in Singapore called madrasah. It was established by scholars who generously donating land and buildings for the purpose of Islamic education to Muslims who are a minority in Singapore. This article aims to identify how the management of religious schools or implemented Islamic Education in Singapore to ensure the continuity of Islamic education to Muslims. The method of collecting data are using open interviews to the administrative Madrasah Division and Mosque Division in the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS) and from other sources. In Singapore, all schools should be established under the supervision and control by the Islamic Religious Council of Singapore. There are three types of religious schools in Singapore- full-time Madrasah, part-time Madrasah and public Islamic Education. The curriculum used by full-time madrasahs called Azhari curriculum and also used national curriculum. Part time Madrasah conducted in the mosque using aLive curriculum which is part of the implementation of the program of Singapore Islamic Education (SIES). Private Madrasah implemented part-time tuition and build their own curriculum mainly to study the Quran and Fardhu Ain. While NGOs only serves as a pillar of the implementation of Islamic education to the community through activities and religious education classes.

Keywords: Islamic Religious School, Management of Education, Islamic Education System

* Nor Raudah Hj Siren merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mail: raudah68@um.edu.my

** Azrin Ab Majid merupakan pelajar PhD di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

*** Syed Muhd Khairuddin Aljunied merupakan Profesor Madya di Jabatan Pengajian Melayu (Department of Malay Studies), Fakulti Sastera dan Sosial Sains (Faculty of Arts and Science Social), National University of Singapore. Email : mlsasmk@nus.edu.sg

Pendahuluan

Masyarakat Islam di Singapura merupakan golongan minoriti. Data pada tahun 2010 mengatakan penduduk muslim yang berusia 15 tahun ke atas di Singapura berjumlah 457,435 orang iaitu 8,332 orang berbangsa Cina, 382,017 orang berbangsa Melayu, 57,546 orang berbangsa India dan 9,540 orang lain-lain bangsa¹. Sebahagian besar muslim di Singapura bermazhab Syafie, sebahagiannya bermazhab Hanafi dan terdapat kelompok muslim Syiah².

Sejarah perkembangan Islam di Singapura bermula pada abad ke-19 dengan dua kelompok migran yang berasal dari dalam dan luar wilayah. Migran dari dalam wilayah berasal dari Jawa, Sumatera, Sulawesi, Riau dan Bawean. Kelompok ini dikenali sebagai etnik Melayu. Kelompok dari luar wilayah pula menjadi dua kelompok penting iaitu India Muslim yang berasal dari Pantai Timur dan Pantai Selatan India manakala satu lagi ialah keturunan Arab Hadramaut³. Kelompok migran dari luar wilayah ini secara umumnya dari golongan muslim yang kaya dan terdidik sehingga membentuk kelompok elit sosial dan ekonomi di Singapura. Mereka mempelopori perkembangan pusat pendidikan dan penerbitan muslim. Mereka juga menjadi penyumbang dana terbesar untuk pembangunan masjid, lembaga pendidikan dan organisasi sosial Islam yang lain. Di antara mereka dikenali dengan keluarga al-Sagof, al-Kaff dan al-Juneid.

Selain itu, mereka juga mengahwini penduduk Melayu di Singapura. Perkahwinan campur Arab-Melayu telah mewujudkan bangsa Arab-Melayu. Perkahwinan imigran muslim India pula mewujudkan bangsa Jawi Peranakan. Kemunculan *heterogony* penduduk Muslim Singapura ini melambatkan proses asimilasi kemelayuan tetapi mewujudkan komuniti Muslim⁴.

Kedatangan imigran secara besar-besaran ini telah menjadikan Singapura sebagai pusat perdagangan dan pusat informasi dan dakwah Islam. Pada awal perkembangan Islam, masyarakat Asia Tenggara khususnya di Singapura terikat dengan pengajaran tasawuf yang diminati oleh para ulama tempatan dan raja-raja Melayu. Kumpulan tarekat sufi terbesar di Singapura hingga kini ialah Tariqat 'Alawiyah di Masjid Ba'lawi di bawah pimpinan Syed Hasan Bin Muhammad bin Salim al-Attas. Selain itu terdapat juga tarekat al-Qadiriyyah wa al-Naqshabandiyyah yang berpusat di Geylang Road di bawah kelolaan Persatuan Taman Pengajian Islam (PERPTAPIS). Tarekat yang lain ialah al-Shaziliyyah, al-Idrisiyyah, al-Darqawiyyah dan al-Rifa'iyyah⁵.

Di bawah sistem pendidikan yang pesat di Singapura, penekanan dan keutamaan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa wajib di sekolah-sekolah pada tahun 1980, telah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan masyarakat Singapura dan disokong pula dengan percampuran etnik melalui pembangunan perumahan. Pada tahun 1887 seramai 143 warga Muslim Singapura telah menghantar petisyen kepada Gabenor untuk melantik kadi bagi urusan perkahwinan umat Islam. Penetapan Ordinan Perkahwinan Umat Islam (Mahomedan Marriage Ordinance 1890) memperlihatkan kolonial Inggeris hanya melihat agama Islam dalam soal perkahwinan dan perceraian sahaja⁶.

Setelah Singapura merdeka pada tahun 1965, The Administration of Muslim Law Act (AMLA) telah dibentuk. Lembaga ini dibahaskan di Parlimen pada 13 Disember 1965, dan menjadi undang-undang

¹Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry, Singapore, http://www.singstat.gov.sg/publications/publications_and_papers/cop2010/census10_stat_release1.html bertarikh 11 September 2014

² Sharon Siddique dan Taufik Abdullah (1986) *Islam and Society in Southeast Asia*, Singapore: ISEAS, hal. 390

³ Ibid, hal. 391

⁴ Sharon Siddique and Taufik Abdullah (1989), *Tradisi dan Kebangkitan: Islam di Asia Tenggara*, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, hal. 391

⁵ Munzir Hitami, (Dr) (2006) *Sejarah Islam Asia Tenggara*, Pekanbaru: Alaf Riau, hal. 32

⁶ Sharon Siddique and Taufik Abdullah (1989), op.cit, hal.

pada 25 Ogos 1966. Akta ini memberikan ruang yang fleksibel bagi Dewan Agama Islam, Pengadilan Agama dan Pencatat Perkahwinan Islam dalam menetapkan hukum syariah.

Pada tahun 1966 AMLA mencadangkan pembentukan Majlis Ugama Islam Singapura - Islamic Religious Council of Singapore (MUIS) sebagai satu badan agama bagi menjadi penasihat Presiden Singapura dalam hal berkaitan dengan agama Islam di Singapura. Pelantikan pertama anggota MUIS dilakukan pada tahun 1968. Bersama dengan Pengadilan Syariah dan Pencatat Perkahwinan Islam, MUIS merupakan pusat pembangunan Muslim di Singapura. Tugas MUIS ialah memantau dan melaksanakan kegiatan Islam di Singapura seperti mengeluarkan sijil halal, menetapkan waktu solat dan menguruskan pernikahan dan perceraian secara Islam. Selain itu, MUIS juga berperanan dalam urusan pengelolaan zakat, infaq, sedekah dan wakaf (ZIS Wakaf). Hal ini bagi menjaga amanah agama Islam dan memastikan pengurusan ekonomi Islam dapat dilaksanakan untuk kemaslahatan umat Islam di Singapura.

Seorang guru besar The Australian National University iaitu A.C Milner berpendapat Singapura memiliki indikasi “jiwa Syariat” dalam kalangan Muslimnya⁷. Richard C. Martin (2004) pula dalam bukunya *Encyclopedia of Islam and the Muslim World*, mengatakan perbezaan dasar yang dapat diketengahkan antara Indonesia, Malaysia dan Singapura ialah adanya gerakan reformis yang berusaha mentransformasikan budaya dan masyarakat dan mereka berusaha untuk memperkasakan proses politik untuk mendirikan sebuah negara Islam⁸.

Sistem Pendidikan Islam Di Singapura

Sejarah awal munculnya pendidikan Islam di Singapura dikatakan berkembang sejak awal kedatangan Islam ke Singapura itu sendiri. Pendidikan Islam di Singapura disampaikan oleh para ulama yang berasal dari negeri lain di Asia Tenggara atau dari Negara Asia Barat dan dari benua kecil India. Para ulama tersebut di antaranya ialah Syaikh Khatib Minangkabau, Syaikh Tuanku Mudo Wali Aceh, Syaikh Ahmad Aminuddin Luis Bangkahulu, Syaikh Syed Usman bin Yahya bin Akil (Mufti Betawi), Syaikh Habib Ali Habsyi (Kwitang Jakarta), Syaikh Anwar Seribandung (Palembang), Syaikh Mustafa Husain (Purba Baru Tapanuli), dan Syaikh Muhammad Jamil Jaho (Padang Panjang). Potensi peningkatan umat Islam mula jelas dengan pemeraksanaan pendidikan di madrasah, masjid dan tertubuhnya pertubuhan bukan kerajaan (NGO).


Perkembangan pendidikan Islam di Singapura mula menjadi perhatian apabila Majelis Pendidikan Anak-anak Islam (MENDAKI) mengambil berat isu pendidikan bagi anak-anak muslim. Pemimpin Melayu Muslim berjaya menarik sokongan yang besar dalam kalangan kelompok Melayu-Muslim dan pemerintah sehingga Majelis telah bertukar menjadi Yayasan Mendaki (Council for the Development of Singapore Malay/Muslim Community) pada tahun 1982. Yayasan ini memberi kuasa kepada masyarakat melalui kecemerlangan dalam pendidikan dalam konteks Singapura yang terdiri dari berbilang kaum dan agama. Pada tahun 2002, Yayasan MENDAKI diselaraskan dan memberi tumpuan kepada empat bidang utama iaitu Pendidikan, Belia, Keluarga dan Pekerjaan. 30% Program MENDAKI menasaskan penduduk Melayu/Islam dan subsidi untuk program pencegahan dan pembangunan. MENDAKI bergabung untuk saling menyokong dan mendokong dengan agensi-agensi kerajaan, sekolah, masjid, pertubuhan Melayu/Islam, majikan, pusat komuniti dan pusat MAECs, keluarga dan menjadi pusat perkhidmatan pelajar⁹.

⁷ Iik Arifin Mansurnoor dan Drs. Dadi Damadi (2002) “Minoritas Islam” dalam *Ensklopedi Tematis Dunia Islam: Asia Tenggara*, Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve, hal. 464).

⁸ Richard C. Martin (2004) *Encyclopedia of Islam and the Muslim World: Volume 2 M-Z*, New York: Macmillan Reference USA, hal. 582

⁹ Yayasan Mendaki, <http://www.mendaki.org.sg/> bertarikh 11 September 2014

Majlis Ugama Islam Singapura juga telah memainkan peranan utama dalam memantau dan mengurus perkembangan pendidikan Islam di Singapura melalui bahagian *Religious Education Cluster* dan *Mosque and Social Development Cluster*. MUIS telah membentuk kurikulum pendidikan Islam tersendiri yang disebut *Singapore Islamic Education System (SIES)*. SIES merupakan kurikulum yang dibangunkan untuk pendidikan Islam di Singapura yang dilaksanakan secara separuh masa. Ia bertujuan untuk menyediakan Muslim dari pelbagai tahap usia untuk memahami, berbangga dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup terutama dalam menghadapi cabaran semasa. Kurikulum ini sesuai, dinamik dan menjadi satu pengalaman pembelajaran umat Islam di Singapura. Kurikulum ini menyasarkan untuk melahirkan insan yang soleh, bertakwa dan berakhlak mulia serta memahami ilmu pengetahuan tentang Islam dan mengamalkannya¹⁰.



Rajah 1: Jenis Pendidikan Islam di Singapura

Rajah 1 menunjukkan Singapura melaksanakan tiga jenis pendidikan Islam untuk masyarakat Islamnya iaitu pendidikan separuh masa, pendidikan sepenuh masa dan program pengajian Islam awam.

1. Pendidikan Separuh Masa

Program pendidikan Islam berbentuk separuh masa dilaksanakan di masjid-masjid dan di sekolah agama swasta (*Private Islamic Religious School*). Pelaksanaan pendidikan Islam separuh masa hanya dilaksanakan pada hujung minggu kerana kekangan waktu persekolahan kebangsaan sehingga ke waktu petang. Menurut Encik Muhammad Taufiq,

“dulu pelaksanaan sekolah agama boleh dijalankan secara sepenuh masa pada waktu petang. Tetapi setelah sekolah kebangsaan melanjutkan masa pengajian hingga ke waktu petang, maka alternatif kelas hujung minggu terpaksa dilaksanakan bagi memastikan anak-anak Muslim memperoleh pendidikan Islam”¹¹.

Masjid telah diperkasakan fungsinya bukan hanya sebagai pusat ibadah bahkan telah diimarahkan dengan peranan sebagai pusat kegiatan umat Islam sebagaimana zaman Rasulullah SAW. Pada masa ini, Singapura memiliki 70 buah masjid yang menawarkan kelas untuk belajar agama dan disiplin ilmu lain dengan 27 masjid melaksanakan sistem madrasah separuh masa. Mereka memiliki sistem pengurusan masjid yang moden dan eksklusif serta memiliki sistem pengajian yang khusus.

Masjid di Singapura bukan sebagai tempat ibadah sahaja bahkan telah dijadikan Pusat Pembelajaran Islam dan Pembangunan Masyarakat. Pengurusan masjid dilaksanakan secara sukarela oleh masyarakat setempat melalui *Mosque Management Board (MMB)* dengan pemantauan *Mosque and Social Development Cluster*, MUIS.

¹⁰ Muhammad Taufiq Arifin, Assistant Head, Madrasah Policy & Planning Strategic Unit, Majlis Ugama Islam Singapura, temubual pada 7 Mei 2014, juga terdapat dalam Majlis Ugama Islam Singapura, <http://www.muis.gov.sg> dan www.alive.sg bertarikh 11 September 2014.

¹¹ Op cit, Muhammad Taufiq Arifin, temubual pada 7 Mei 2014

Sekolah Islam swasta (Private Islamic Religious School) pula turut berfungsi mendokong dan menyokong pelaksanaan pendidikan Islam di Singapura iaitu al-Khairiah Islamic School, Madrasah at-Tahzibiah al-Islamiah dan Sekolah Ugama Radin Mas. Madrasah ini ditubuhkan atas nama syarikat dan menggunakan kurikulum diniah sendiri (tumpuan Pengajian al-Quran dan Fardu Ain) secara separuh masa dan dilaksanakan di hujung minggu dalam bentuk tuisyen. Sekolah ini merupakan alternatif untuk ibu bapa yang tidak memilih madrasah masjid¹². Selain itu, usaha pembangunan pendidikan Islam juga digerakkan oleh Andalus Corporation. Pertubuhan yang berdaftar dengan pendaftar pertubuhan ini menawarkan kelas bimbingan nurseri, prasekolah, kanak-kanak, menengah, remaja, dewasa, tahfiz hingga peringkat diploma kepada masyarakat Islam di Singapura¹³.

Bagi pelaksanaan pendidikan Islam di Masjid, kurikulum khas dibentuk oleh MUIS dengan memperkenalkan *Singapore Islamic Education System (SIES)* dengan memperkenalkan kurikulum *aLIVE* sebagaimana rajah 2 di bawah;

<ul style="list-style-type: none">• Kids• Tweens• Teens• Youths	<ul style="list-style-type: none">• 5 - 8 tahun• 9- 12 tahun• 13- 16 tahun• 17 - 20 tahun
--	--

Rajah 2: Kurikulum Pendidikan Islam Separuh Masa aLIVE

Berdasarkan Rajah 2, MUIS bersama kumpulannya telah memperkenalkan *Mosque Madrasah* dengan kurikulum *aLIVE* yang menyasarkan pendidikan Islam untuk awal kanak-kanak berusia 5-8 tahun (Kids), kanak-kanak berusia 9 – 12 tahun (Tweens), remaja berusia 13 – 16 tahun (Teens) dan belia berusia 17 – 20 tahun (Youth). Program ini merupakan sebahagian dari program dalam Sistem Pendidikan Islam Singapura (*Singapore Islamic Education System- SIES*). Bagi melaksanakan program ini, MUIS telah memperuntukkan dan mentadbir sendiri dana pendidikan Islamnya untuk memastikan kualiti program dan meningkatkan sistem pendidikan Islam di Singapura¹⁴.

Terdapat empat mata pelajaran dalam kurikulum *aLIVE* iaitu *Faith & Practices* (Akidah dan Fiqh), *Character & Life Skill* (Akhlaq), *Social & Civilisational Islam* (Sirah dan Tarikh) dan *Quranic Literacy* (Iqra' dan Quran). Keempat-empat mata pelajaran ini dilaksanakan secara bersepadu mengikut tema dan tahap yang ditetapkan. Contohnya tema kejiranan akan diajar kepada pelajar tahap 2 (Tweens). Melalui tema tersebut, pelajar akan diajar berdasarkan keempat-empat aspek mata pelajaran iaitu tentang aspek akidah dan fiqh, akhlaq, sirah dan ayat al-Quran yang berkaitan dengan aspek kejiranan menurut Islam. Pendidikan Islam separuh masa ini tidak ada peperiksaan. Pelajar difokuskan untuk memahami Islam sebagai cara hidup, teori dan amali¹⁵.

2. Pendidikan Sepenuh Masa

Pendidikan sepenuh masa dilaksanakan di sekolah atau madrasah secara formal. Madrasah berasal dari perkataan Arab yang bermaksud 'sekolah' atau dengan maksud sekolah agama Islam. Madrasah ini memperkenalkan sistem pendidikan Islam, mempelajari al-Quran dan al-Hadith yang dikendalikan oleh alim ulama atau dikendalikan oleh masjid.


¹² Sharifah Thalha Binti Syed Haron, Eksekutif, Unit Dasar & Perancangan Madrasah, Majlis Ugama Islam Singapura, temubual pada 7 Mei 2014

¹³ Andalus Corporation, www.andalus.sg. Bertarikh 11 September 2014

¹⁴ Op cit, Muhammad Taufiq Arifin, temubual pada 7 Mei 2014 dan lihat www.alive.sg

¹⁵ Amira Bte Abdul Rahim, Senior Executive, Youth education Strategic unit, MUIS, temubual bertarikh 7 Julai 2014.

Sistem Pendidikan Islam di Singapura pula dijalankan secara tradisional menggunakan sistem persekolahan pondok sebagaimana di Malaysia, Patani dan pesantren Indonesia. Sistem persekolahan moden pula merujuk kepada Mesir dan Barat, yang dikenali dengan nama madrasah, sekolah arab atau sekolah agama. Sistem pendidikan barat telah memperkenalkan konsep pendidikan kolonial (dualisme) yang telah memisahkan antara ilmu agama dengan ilmu sekular (dunia), sebagaimana rajah 3, di bawah;



Rajah 3: Kurikulum Madrasah

Berdasarkan rajah 3 di atas, setiap madrasah memiliki kurikulum diniah yang tersendiri yang disebut sebagai kurikulum Azhari. Setiap madrasah akan membuat perjanjian dan penyemakan kurikulum diniah mereka dengan universiti-universiti di Timur Tengah. Contohnya Madrasah al-Maarif dan Madrasah Wak Tanjong telah melaksanakan penyemakan kurikulum diniah mereka ke Riyadh dan Universiti Azhar untuk tujuan kelayakan pelajar mereka menyambung pelajaran ke sana. Terdapat enam (6) kumpulan mata pelajaran diniah yang terdiri dari komponen subjek Syariah dan Usuluddin yang kesemuanya berasal dari 18 subjek Azhari. Manakala kurikulum kebangsaan menawarkan peperiksaan O Level dan A Level untuk melayakkan mereka memasuki universiti tempatan atau universiti di Malaysia seperti di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Malaya.¹⁶

Di Madrasah al-Arabiah al-Islamiah penumpuan diberikan kepada kurikulum diniah dan kebangsaan untuk melahirkan saintis Muslim. Oleh itu, mata pelajaran sains tulen ditawarkan di samping kurikulum diniah dengan tambahan kurikulum tahfiz dan al-Quran. Madrasah al-Junied pula memberi tumpuan untuk melahirkan asatizah atau ulama. Oleh itu madrasah ini memberi tumpuan kepada subjek diniah dan menawarkan beberapa subjek kebangsaan yang utama sahaja iaitu Matematik, English dan Sains. Kesemua madrasah menawarkan pendidikan Islam sepenuh masa sejak peringkat rendah hingga peringkat A Level kecuali Madrasah al-Junied dan Madrasah al-Arabiah al-Islamiah yang hanya menawarkan pengajian ke peringkat menengah sahaja. Satu-satunya Madrasah iaitu Madrasah al-Irsyad masih menggunakan kurikulum diniah yang dibangunkan oleh MUIS untuk mengambil peperiksaan Sijil Empat Thanawi (STE). Walau bagaimanapun, kurikulum tersebut sudah diurus sepenuhnya oleh madrasah tersebut tanpa campur tangan MUIS (Muhammad Taufiq, 7 Mei 2014).

Semua madrasah tertakluk dengan Akta Pendidikan di bawah Section 87 dan 88, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam. Kawalan sekolah agama Islam diletakkan di bawah pihak MUIS.

¹⁶ Op. cit, Muhammad Taufiq Arifin, temubual pada 7 Mei 2014

Madrasah ditubuhkan bagi melahirkan muslim yang berpendidikan untuk memimpin masyarakat berkaitan dengan aktiviti agama.

Secara umumnya, semua kemudahan diberikan oleh kerajaan untuk kemudahan madrasah yang dibina di atas tanah wakaf. Setiap madrasah memiliki jawatankuasa pengurusan sendiri yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan. Ahli Jawatankuasa tersebut telah berdaftar dengan Kementerian Pendidikan (MOE) pada setiap dua tahun dengan nasihat dari MUIS. Oleh itu, sebarang aktiviti madrasah adalah di bawah kawalan MUIS di bawah seksyen 58 dan 59, AMLA dan semua tanah wakaf diserahkan kepada MUIS dan semua aktiviti agama mesti dengan kebenaran MUIS, di bawah seksyen 87 dan 88, AMLA¹⁷.

Madrasah	Joint Madrasah System
<ul style="list-style-type: none">• Madrasah al-Maarif al-Islamiah• Madrasah Wak Tanjong al-Islamiah• Madrasah al-Sagoff	<ul style="list-style-type: none">• Madrasah al-Irsyad al-Islamiah• Madrasah Aljunied al-Islamiah• Madrasah al-Arabiah al-Islamiah

Rajah 4: Jenis madrasah sepenuh masa

Terdapat enam madrasah terbesar di Singapura pada masa ini yang menjalankan pembelajaran sepenuh masa. Enam buah madrasah di Singapura diurus secara moden dan profesional berserta kelengkapan yang baik terutama sistem teknologi maklumat. Keenam-enam madrasah berada di bawah naungan MUIS dengan satu sistem pendidikan yang mempersepadukan ilmu-ilmu agama dengan ilmu-ilmu umum. Mata pelajaran yang diajar di madrasah ialah mata pelajaran pendidikan Islam (diniah) dan Bahasa Arab di samping mata pelajaran kebangsaan.¹⁸ Berdasarkan rajah 4 di atas, terdapat dua jenis pengurusan madrasah di Singapura iaitu pengurusan sepenuhnya oleh Madrasah (Lembaga Pengelola Madrasah), dan pengurusan yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengelola Madrasah dan MUIS (Joint Madrasah System).

Pengurusan tiga buah madrasah iaitu madrasah Madrasah al-Maarif al-Islamiah, Madrasah Wak Tanjong al-Islamiah dan Madrasah al-Sagoff dilaksanakan oleh Lembaga Pengelola Madrasah sepenuhnya tanpa campur tangan MUIS. Peranan MUIS hanya menerima pendaftaran madrasah, memantau perkembangan dan memperolehi data dan maklumat madrasah serta menyalurkan dana kepada madrasah. Segala urusan pengurusan pentadbiran madrasah termasuk penetapan kurikulum dan pelantikan guru adalah di bawah kuasa madrasah itu sendiri.¹⁹

Pada tahun 2008, MUIS telah memperkenalkan *Joint Madrasah System* (JMS) bagi tujuan membantu meningkatkan sistem pengurusan dan kesinambungan visi dan misi madrasah bagi melahirkan para agamawan Islam. JMS ini juga telah mewujudkan kurikulum yang komprehensif dan seimbang antara ilmu Islam dan sains moden dan pendekatan yang digunakan adalah mengikut keperluan semasa. Pada tahun 2009, tiga madrasah telah menyertai JMS ini iaitu Madrasah al-Irsyad al-Islamiah, Madrasah Aljunied al-Islamiah dan Madrasah al-Arabiah al-Islamiah apabila satu perjanjian (MoU) ditandatangani oleh pengurusan madrasah pada tahun 2007. JMS ini membolehkan pengurusan madrasah mendapat sumber manusia, kewangan dan info-komunikasi daripada MUIS manakala pihak

¹⁷ Op. cit, Muhammad Taufiq Arifin, temubual pada 7 Mei 2014 dan dalam Majlis Ugama Islam Singapura, www.muis.gov.sg bertarikh 11 September 2014

¹⁸ Op.cit, Sharifah Thalha, temubual bertarikh 7 Mei 2014 dan email bertarikh 10 Mac 2014 dan dalam [http:// muslim.or.id](http://muslim.or.id)

¹⁹ Op. cit, Muhammad Taufiq Arifin, temubual pada 7 Mei 2014

pengurusan madrasah memberi tumpuan kepada fungsi teras madrasah iaitu mendidik pelajar dan melahirkan pemimpin masa depan agama dan asatizah. Melalui sistem JMS ini juga, para guru madrasah akan diberi latihan perguruan (*trained teachers and educators*) di National Institute of Education (NIE) dengan kerjasama Akademi MUIS (Sharifah Thalha, 10 Mac 2014 dan 7 Mei 2014).

Pada 2003, guru madrasah telah memperolehi latihan dengan kerjasama Edith Cowan University, Western Australia. Selepas itu mendapat Latihan Khas Pengajaran dan Pembelajaran anjuran NIE-International dan MUIS. Pada masa ini, seramai 200 orang guru atau lebih 90% guru madrasah telah mendapat latihan ikhtisas perguruan. Kursus yang dilaksanakan semasa dalam perkhidmatan ini membolehkan guru-guru madrasah memiliki kemahiran perguruan. Menurut Dr Yaacob Ibrahim, Menteri Ehwat Masyarakat Islam, kerjasama madrasah untuk menghantar guru-guru mereka mampu meningkatkan mutu pendidikan di madrasah. Hal ini kerana latihan perguruan merupakan aspek yang penting dalam sistem pendidikan²⁰. Menurut Syarifah Thalha, pada masa ini terdapat 250 orang guru madrasah di Singapura dan 200 orang daripadanya sudah memiliki ikhtisas perguruan²¹.

Latar Belakang Madrasah

a) Madrasah al-Junied al-Islamiyyah

Madrasah ini dibuka pada tahun 1927 oleh Sayyid Abdur Rahman bin Junied bin Umar bin Ali Aljunied, dengan dana yang diwakafkan oleh datuknya Sayyid Umar Bin Ali AlJunied, dari Palembang. Bermula dengan 10 orang pelajar, kini jumlah pelajarinya telah meningkat sehingga 1200 orang. Madrasah ini juga menerima pelajar-pelajar luar terutama Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam dan pada tahun 1936 memperkenalkan kelas grooming untuk pemimpin Islam disebut "Qismut-Takhasus Fil Wa'dz Wal Irsyad" yang dikendalikan oleh Syeikh Abdurrahim Ibrahim Assamnudy dari Egypt. Kemudian, kelas agama khas diperkenalkan pada waktu petang untuk pelajar-pelajar yang bersekolah kerajaan di waktu pagi. Pada tahun 1941, madrasah ini bertukar nama menjadi Darul 'Ulum Addiniyah Aljunaidiyah dan menggunakan nama asalnya kembali pada tahun 1945²².

Pada tahun 60-an, mula memasukkan kurikulum perdana iaitu Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah dan bahasa Melayu di samping kurikulum agama dan bahasa Arab. Integrasi kurikulum perdana dan agama ini menjadikan ibubapa yakin untuk menghantar anak-anak mereka ke Madrasah ini.

b) Madrasah al-Ma'arif al-Islamiah

Madrasah ini didirikan pada tahun 1940-an. Pengasas madrasah ini adalah lulusan universiti al-Azhar, Mesir bertempat di Geylang, Singapura. Madrasah ini dibangunkan khas untuk pelajar perempuan sahaja dari peringkat sekolah rendah, menengah dan pra-Universiti. Sekolah ini diurus oleh Jawatankuasa Pengurusan yang anggotanya dilantik dua tahun sekali oleh Kementerian Pendidikan dengan nasihat Majlis Ugama Islam Singapura. Mata pelajaran yang ditawarkan ialah pelajaran agama Islam dan kurikulum Kementerian Pendidikan Singapura²³.

c) Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiyyah

Madrasah Wak Tanjong Al-Islamiah ditubuhkan pada tahun 1958 oleh Ustaz Mohd Noor Bin Taib. Pada awal pembukaan menerima 100 orang pelajar dengan empat orang guru. Pada tahun 1975 telah didaftarkan dengan Kementerian Pelajaran Singapura dan jumlah pelajarinya meningkat menjadi 800

²⁰ Berita On Suria, Singapura bertarikh 20 Februari 2014

²¹ Op.cit, Syarifah Thalha, Temubual bertarikh 7 Mei 2014

²² Madrasah Aljunied Al Islamiyyah, <http://www.aljunied.edu.sg/index.php/about-us3/historical> bertarikh 5 Mei 2014

²³ Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, http://en.wikipedia.org/wiki/Madrasah_Al-Maarif_Al-Islamiah bertarikh 5 Mei 2014

orang dengan 38 orang kakitangan. Memiliki bangunan sekolahnya sendiri pada tahun 1993. Objektif utamanya ialah memberikan pendidikan Islam dan menyediakan pelajar untuk menjadi muslim yang baik²⁴.

d) Madrasah Al-Sagoff (atau Al-Saqaf)

Didirikan pada tahun 1912 di atas tanah yang diwaqafkan oleh Syed Muhammad bin Syed Al-Saqof. Institusi ini menawarkan pengajaran ilmu Islam, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris untuk masyarakat Islam Singapura. Pada awal penubuhan hanya kanak-kanak lelaki yang mendaftar tetapi selepas kependudukan Jepun di Singapura pada tahun 1944, ramai pelajar perempuan mula mendaftar. Dua dekad kemudian, pelajar lelaki mula susut dan akhirnya menjelang tahun 1966, Pemegang Amanah Kumpulan Wang Wakaf Syed Mohamed Alsagof telah menetapkan institusi ini hanya untuk kanak-kanak perempuan sahaja. Pada tahun 1973, sekolah ini diurus pula oleh *The Muslimin Trust Fund Association*. Sekolah ini menyediakan pendidikan Islam untuk kanak-kanak selama enam tahun di peringkat rendah dan empat tahun di peringkat menengah. Oleh itu, di samping pendidikan Islam, sistem pendidikan kebangsaan juga turut ditawarkan untuk mengambil peperiksaan GCE 'O' Level bagi melayakkan pelajar meneruskan pengajian ke peringkat tinggi²⁵.

e) Madrasah al-Arabiah al-Islamiah

Madrasah ini ditubuhkan pada tahun 1937 oleh pengasanya Sheikh Omar Bamadhaj di Hillside Drive di bawah pengurusan Masjid Haji Mohd Yusuff. Pada tahun 1950-an madrasah ini telah diperbadankan sebagai sebuah sekolah untuk menawarkan pendidikan agama kepada pelajar-pelajarnya. Pada tahun 1980, madrasah ini telah musnah terbakar dan Muhammadiyah Association telah mengambilalih pengurusannya lalu didaftarkan dengan MOE. Pada tahun 2008, madrasah ini telah bergabung dalam JMS (Sistem Madrasah Bersama) iaitu dengan dua lagi madrasah lain iaitu Madrasah Aljunied dan Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah Utama. Menjelang tahun 2014, madrasah ini telah menjadi sekolah menengah sepenuhnya dan akan diikuti oleh Madrasah al-Irsyad pada tahun 2015²⁶.

f) Madrasah Al-Irsyad Al-Islamiah

Madrasah ini ditubuhkan pada tahun 1947 dengan nama Mahadul Irsyad di Jalan Hindhede. Pelajar awalnya berjumlah 50 orang dengan program pengajian al-Quran dan pengetahuan asas Islam kepada masyarakat awam. Sistem pendidikannya diambil dari negeri Johor tetapi pada tahun 1965, mula membentuk kurikulum sendiri mengikut keperluan tempatan. Sekolah ini tidak dibiayai dan terpaksa berjuang untuk mengumpul dana bagi membiayai pembangunan sekolah oleh penduduk kampung dan guru-gurunya.

Pada tahun 1991, madrasah ini telah terjejas dengan pembangunan semula Bandar dan terpaksa dipindahkan ke Woodland Road dan bertukar menjadi Madrasah al-Irsyad al-Islamiah. Memberi penumpuan kepada pendidikan sekolah rendah dan mula menerima 400 pelajar dengan satu sesi pembelajaran. Madrasah ini kini telah diletakkan di bawah pengurusan MUIS dengan mengkhusus kepada pelajara agama dan kurikulum am, Kementerian Pendidikan untuk mengambil peperiksaan PSLE. Kemudian, apabila sistem MRT diperkenalkan pada tahun 1996, sekali lagi madrasah ini dipindahkan ke bangunan lama di Jalan Windstedt.

Pada tahun 1998, madrasah al-Irsyad mula menerima pelajar menengahnya kerana peningkatan permintaan untuk pendidikan madrasah. Kurikulum sekolah menengahnya membolehkan pelajar

²⁴ Madrasah Wak Tanjung Al-Islamiyyah, <http://was.nl.sg/details/www.mwtai.edu.sg.html> bertarikh 5 Mei 2014

²⁵ Madrasah Al-Sagoff, <http://alsagoff.edu.sg/index.php/en/about-us/our-history> bertarikh 6 Mei 2014

²⁶ Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, <http://www.mai.sg/History> bertarikh 6 Mei 2014

madrasah ini menduduki peperiksaan Sijil Empat Thanawi (STE) yang dijalankan oleh MUIS. Pada tahun 1999, kurikulum sekolah rendah pula mengalami perubahan dengan mengajar Bahasa Melayu dan bukan Bahasa Arab. Pada tahun 2003, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Akta Pendidikan Wajib yang perlu menduduki PSLE. Lantaran itu, al-Irsyad dengan bantuan MUIS menjadi madrasah pertama memperkenalkan kurikulum agama bersepadu untuk sekolah rendah dan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa pengantar. Pada tahun 2009, madrasah ini dipindahkan ke Hab Islam Singapura hingga kini dengan kemudahan yang lengkap seperti makmal sains, perpustakaan, makmal komputer, kantin dan padang bola sepak²⁷.

3. Pengajian Islam (Awam)

Perkembangan Islam di Singapura memperlihatkan peningkatan dengan tertubuhnya lembaga-lembaga Islam yang lain. Lembaga Swadaya Masyarakat Islam (LSM) merupakan NGO yang bergabung untuk kepentingan kemajuan komuniti muslim di Singapura. Penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam perkembangan pendidikan Islam memperlihatkan kesungguhan masyarakat Islam di Singapura untuk mengangkat martabat pendidikan Islam, walau dalam keadaan yang terhad dan kekangan sebagai sebuah agama minoriti dalam negara sekular. Walau bagaimanapun, penglibatan NGO dalam sistem pendidikan Islam di Singapura hanya sebagai pendokong dan kesinambungan dakwah Islam untuk masyarakat awam sahaja.

Contohnya, di Darul Arqam, program pendidikan Islam yang dilaksanakan khas untuk masyarakat yang mahu memeluk Islam dan baru memeluk Islam. Dengan itu, modul yang diperkenalkan hanya sesuai untuk sasaran mereka²⁸ manakala NGO yang lain seperti Persatuan Pemuda Islam Singapura pula menubuhkan kelas tuisyen, *kindergarten*, *pre-school* dan *childcare* untuk memastikan kanak-kanak Islam mendapat pendidikan Islam yang sewajarnya sejak kecil²⁹.

Pengajian Islam (Awam) juga dijalankan untuk masyarakat awam pada hujung minggu iaitu kelas fardu ain, kelas Bahasa Arab, kelas untuk Muslimah, kelas Haji dan Ummah, dan kelas al-Quran. Terdapat juga masjid-masjid yang melaksanakan pengajian Islam untuk masyarakat awam seperti Darul Quran, Darul Hadith, Darul Fiqh, Pemikiran Islam Masa Kini, pemikir-pemikir Islam dan sebagainya. Selain itu masjid juga melaksanakan *Mosque Kindergarten* dan *Religious Queries Service*.

Dana Pendidikan Islam

Oleh kerana, Islam merupakan agama bagi masyarakat minoriti, maka tiada sebarang peruntukan kewangan dari pihak kerajaan Singapura. Walau bagaimanapun MUIS telah mengambil peranan untuk membantu madrasah bagi memastikan pendidikan Islam terus berkembang dengan baik di Singapura.

Melalui Dana Madrasah, MUIS telah menerima sumbangan dari syarikat mahupun individu dalam bentuk sedekah harian atau potongan bank bulanan atau zakat setiap tahun yang dihaskan untuk membantu madrasah. Melalui dana tersebut, MUIS akan mengagihkan kepada semua madrasah untuk tujuan pembangunan. Agihan dilaksanakan berdasarkan perkapita pelajar secara *one-off* dan terpulanglah kepada pihak madrasah untuk menggunakannya sama ada untuk membayar elaun guru, melaksanakan pembangunan atau latihan guru, melaksanakan program madrasah, mahupun untuk membangunkan prasarana madrasah. Jumlah peruntukan pula bergantung kepada jumlah dana yang terkumpul³⁰.

²⁷ Madrasah Al-Irsyad, <http://www.irsyad.sg> bertarikh 6 Mei 2014

²⁸ Darul Arqam, <http://www.darul-arqam.org.sg/> bertarikh 6 Mei 2014

²⁹ Persatuan Pemuda Islam Singapura, <http://web.ppis.sg/> bertarikh 8 Mei 2014

³⁰ Op.cit, Muhammad Taufiq, temubual bertarikh 7 Mei 2014 dan dalam Majlis Ugama Islam Singapura, www.danamadrasah.sg, bertarikh 11 September 2014

Selain MUIS, pihak Lembaga Pengelola Madrasah sendiri berusaha mendapatkan sumbangan dari luar untuk membantu pembangunan madrasah dalam bentuk zakat mahupun infaq di samping yuran persekolahan pelajar. Menurut Muhammad Taufiq, kos pembelajaran seorang kanak-kanak sekolah adalah SD1800 – SD2500 sebulan yang terpaksa ditanggung oleh Madrasah yang tidak mendapat pembiayaan sebagaimana sekolah kebangsaan. Ibu bapa hanya menampung 1/3 dari kos tersebut melalui yuran bulanan manakala selebihnya ditanggung oleh madrasah melalui Dana Madrasah dan sumbangan dari luar³¹.

Kesimpulan

Sistem pendidikan Islam di Singapura masih dalam ruang lingkup yang terhad di bawah pengawasan MUIS dan MOE Singapura. Pelaksanaan madrasah di masjid-masjid memperlihatkan usaha untuk memastikan masyarakat Islam mendapat pendidikan Islam yang sewajarnya walaupun dilaksanakan pada hujung minggu. Penglibatan hanya enam buah madrasah terbesar dan tiga madrasah yang lain yang melaksanakan sistem pendidikan Islam sepenuh masa dengan kurikulum Diniyah dan kurikulum kebangsaan dari MOE Singapura memberi ruang dan peluang kepada masyarakat Islam di Singapura memiliki agamawan dan asatizah yang tersendiri bagi memastikan pembangunan masyarakat Islam agar tidak jauh dari agama mereka. Sementelah lagi, terdapat beberapa pertubuhan dan masjid sendiri turut menyumbang dalam pendidikan Islam melalui pengajian khasnya bagi membolehkan dakwah Islam terus berkembang di Singapura dengan baik.

Rujukan

Census of Population 2010, Table 59 Resident Population Aged 15 years and over by Religion, Ethnic Group and Sex, Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry, Republic of Singapore, <http://www.singstat.gov.sg> bertarikh 16 Februari 2014

lik Arifin Mansurnoor dan Drs. Dadi Damadi (2002), “Minoritas Islam” dalam *Ensklopedi Tematis Dunia Islam: Asia Tenggara*, Jakarta: Ichtiar Baru Van Hoeve

Munzir Hitami, (Dr) (2006) *Sejarah Islam Asia Tenggara*, Pekanbaru: Alaf Riau

Richard C. Martin (2004), *Encyclopedia of Islam and the Muslim World: Volume 2 M-Z*, New York: Macmillan Reference USA

Sharon Siddique and Taufik Abdullah (1989), *Tradisi dan Kebangkitan: Islam di Asia Tenggara*, Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.

Sharon Siddique and Taufik Abdullah (editors) (1986) *Islam and Society in Southeast Asia*, Singapore: ISEAS

Berita On Suria, Singapura- bertarikh 20 Februari 2014

Temubual

Muhammad Taufiq Arifin, Assistant Head, Madrasah Policy & Planning Strategic Unit, Majlis Ugama Islam Singapura, temubual pada 7 Mei 2014

³¹ Op.cit, Muhammad Taufiq, temubual bertarikh 7 Mei 2014

Sharifah Thalha Binti Syed Haron, Ekselutif, Unit Dasar & Perancangan Madrasah, Majlis Ugama Islam Singapura, temubual pada 7 Mei 2014

Amira Bte Abdul Rahim, Senior Executive, Youth Education Stategic unit, MUIS, temubual bertarikh 7 Julai 2014.

Email

sharifah_thalha_SYEDHARON@muis.gov.sg. bertarikh 10 Mac 2014

Halaman web

Andalus Corporation, www.andalus.sg. Bertarikh 11 September 2014

Darul Arqam, <http://www.darul-arqam.org.sg/> bertarikh 6 Mei 2014

Department of Statistics, Ministry of Trade and Industry, Singapore, http://www.singstat.gov.sg/publications/publications_and_papers/cop2010/census10_stat_release1.html bertarikh 11 September 2014

http://id.wikipedia.org/wiki/Kategori:Islam_di_Singapura bertarikh 10 Februari 2014

<http://muslim.or.id/infokajian/singapura/pengajian-rutin-islam-di-singapura.html> bertarikh 10 Februari 2014

Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah, <http://www.mai.sg/History> bertarikh 6 Mei 2014

Madrasah Al-Irsyad, <http://www.irsyad.sg> bertarikh 6 Mei 2014

Madrasah Aljunied Al Islamiyyah, <http://www.aljunied.edu.sg/index.php/about-us3/historical> bertarikh 5 Mei 2014

Madrasah Al-Maarif Al-Islamiah, http://en.wikipedia.org/wiki/Madrasah_Al-Maarif_Al-Islamiah bertarikh 5 Mei 2014

Madrasah Al-Sagoff, <http://alsagoff.edu.sg/index.php/en/about-us/our-history> bertarikh 6 Mei 2014

Madrasah Wak Tanjung Al-Islamiyyah, <http://was.nl.sg/details/www.mwtai.edu.sg.html> bertarikh 5 Mei 2014

Majlis Ugama Islam Singapura, <http://www.muis.gov.sg/cms/services/Madrasahs.aspx?id=204> bertarikh 11 September 2014

Majlis Ugama Islam Singapura, www.alive.sg bertarikh 11 September 2014

Yayasan Mendaki, <http://www.mendaki.org.sg/> bertarikh 11 September 2014